

1974

KUALA LUMPUR, 14 NOV. (BERNAMA)—KERAJAAN TIDAK BERCADANG MEMBERI PELAJARAN PERCUMA DARIPADA PERINGKAT SEKOLAH RENDAH SEHINGGA KE PERINGKAT UNIVERSITI DI NEGARA INI, DEMIKIAN DIBERITAHU OLEH MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

BELIAU MENJAWAB SOALAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-KUALA LUMPUR BANDAR), DI DEWAN RAKYAT YANG BERTANYA SAMADA KERAJAAN BERCADANG BERBUAT DEMIKIAN.

KEPADA SOALAN LAIN DARI ENCIK FAN YEW TENG (DAP-MENGLEMBU), MENTERI ITU MENYATAKAN BAHAWA SEBUAH JAWATANKUASA KHAS SEDANG MENYIASAT PERISTIWA 21 SEPTEMBER YANG BERLAKU DI UNIVERSITI MALAYA BARU-BARU INI.

OLEH ITU, TEGASNYA, TIDAKLAH PERLU DITUBUHKAN SEBUAH SURUHANJAYA PENYIASAT KHAS UNTUK MENKAJI MASAALAH TERSEBUT.

ANGGOTA DAP DARI PETALING, ENCIK OH KENG SENG PULA BERTANYA SAMADA MENTERI ITU SEDAR BAHAWA IBUBAPA DI PETALING JAYA TERPAKSA MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA KE TEMPAT-TEMPAT JAUH SEPerti SERDANG DAN SUNGA WAY UNTUK BELAJAR DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA.

BELIAU INGIN TAHU SAMADA PIHAK KEMENTERIAN AKAN MEMBINA SEBUAH LAGI SEKOLAH RENDAH JENIS TERSEBUT DI PETALING JAYA BAGI MENGATASI MASAALAH ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA, KEMENTERIANNYA TIDAK MEMPUNYAI RANCANGAN SEPerti ITU KERANA TERDAPAT SEKARANG SEKOLAH-SEKOLAH YANG CUKUP UNTUK MENGAMBIL MASUK PELAJAR-PELAJAR ALIRAN CHINA.

PADA MASA INI TERDAPAT TUJUH BUAH SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN CHINA DI PETALING JAYA DAN KAWASAN-KAWASAN BERDEKATAN, TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA HM 1638